

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

**RMK 252 – Pengantar Pengurusan Projek**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Jawab **SATU** soalan dari **BAHAGIAN A (WAJIB)** dan jawab **DUA** soalan dari **BAHAGIAN B** dan **DUA** soalan dari **BAHAGIAN C**.

Sila asingkan buku jawapan untuk setiap Bahagian.

...2/-

**Bahagian A.**

1. Terangkan istilah-istilah berikut dalam konteks pengurusan dan organisasi:

- (a) Sistem Psaikososial
- (b) 'Coercive Power'
- (c) 'Locus of Leadership'
- (d) Sinergi
- (e) Konsep Sistem
- (f) Objektif projek binaan
- (g) Entropi negatif
- (h) Organisasi sementara
- (i) Keberkesanan
- (j) Konsep kontigensi

(20 markah)

**Bahagian B**

2. "Pendekatan sistem ialah satu cara pemikiran tentang pembolehubah dan perhubungan organisasi. Pandangan kontingensi menyediakan satu kerangka untuk melakukan sesuatu yang betul pada masa yang tepat dengan cara yang betul, bergantung kepada situasi." Bincangkan kenyataan di atas dalam hubungan pengurusan dan organisasi projek binaan.

(20 markah)

3. Apakah yang dapat anda ertikan dengan struktur organisasi?

Bandingkan dengan terperinci struktur mekanistik dengan organik.

Bagaimanakah sesebuah organisasi itu boleh mencapai lebih pembezaan dan integrasi yang berkesan.

(20 markah)

...3/-

- 3 -

4. Berikan definisi berikut:

- (a) Kepimpinan
- (b) Pengurusan

dan apakah perbezaan di antara konsep kepimpinan dan konsep pengurusan.

*"Konsep Kepimpinan berlaku di kalangan manusia, ianya melibatkan pengaruh dan digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat"*

Baca petikan di atas dan beri ulasan berdasarkan kesesuaiannya dalam konteks industri pembinaan.

(20 markah)

5. *"Motivasi boleh diertikan sebagai satu set tenaga yang memperkasakan, mengarah dan mengekal perlakuan manusia. Ianya melibatkan tekanan daripada luaran dan dalaman".*

Berdasarkan kepada petikan di atas, apa yang anda faham tentang konsep motivasi. Bincangkan dengan jelas tentang konsep pengurusan kualiti dari sudut memperkasakan, mengarah dan mengekalkan perlakuan manusia serta aspek luaran dan dalaman.

(20 markah)

6. Pembentukan pasukan memerlukan proses-proses yang tertentu. Jelaskan dengan terperinci bagaimana sebuah pasukan dibentuk dan peranan yang dimainkan oleh ketuanya dalam konteks industri binaan.

(20 markah)

....4/-

**Bahagian C**

7. Sediakan Jadual Aliran Tunai dan Keluk Kos masa berdasarkan maklumat projek yang berikut:-

Harga Tender	:	300,000.00
Kos Binaan	:	250,000.00
Tempoh Projek	:	10 bulan
Nilai Simpanan	:	5%
Tempoh membaiki kecacatan	:	6 bulan

Andaikan keuntungan diagih sama rata sepanjang tempoh projek dan bayaran kemajuan dibayar sebulan selepas tuntutan.

(20 markah)

8. Sediakan satu cara garisan seimbang untuk satu skim perumahan berdasarkan butir-butir berikut:-

Bil.	Aktiviti	Jam Kerja/Unit	Bilangan Pekerja Setiap Aktiviti
1.	Asas	Jam 180	6 pekerja
2.	Struktur	Jam 300	8 pekerja
3.	Dinding	Jam 160	5 pekerja
4.	Paip	Jam 60	3 pekerja
5.	Elektrik	Jam 60	2 pekerja
6.	Kemasan	Jam 140	4 pekerja

**JADUAL 1**

- bilangan unit rumah = 100 unit
- kadar output = 4 unit seminggu
- masa perantaraan = 5 hari
- masa kerja 8 jam sehari dan 6 hari seminggu

(20 markah)

....5/-

9. **Rajah 1** menunjukkan Rangkaian Kerja untuk sebuah projek tertentu. Nombor aktiviti, jangka waktu aktiviti serta jumlah tenaga kerja yang diperlukan untuk setiap aktiviti adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1**. Berdasarkan kepada maklumat yang diberi.
- (a) Kira dan isikan ruang-ruang kosong dalam **Rajah 1**
  - (b) Lukiskan Rajah Sumber untuk projek berkenaan berdasarkan:
    - (i) Tarikh Mula Terawal
    - (ii) Araskan semula sumber tersebut

(20 markah)

...6/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

RAJAH 1

71

